

PERMOHONAN RM1,500 WANG PENDAHULUAN PINJAMAN (WPP) PTPTN UNTUK PELAJAR DIPLOMA B40 IPTS

Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) adalah inisiatif baru PTPTN berjumlah RM1,500 bagi pelajar baru Diploma B40 IPTS termasuk TAR UMT. Pelajar ditawarkan WPP akan dapat tunai tawaran WPP sebelum kelulusan pinjaman pendidikan. Pemotongan sebanyak RM500.00 setiap semester daripada jumlah pinjaman PTPTN akan dilakukan secara automatik apabila pinjaman diluluskan.

Syarat Kelayakan Penerima WPP Pelajar Diploma B40 IPTS

1. Pelajar Warganegara Malaysia.
2. Penjaga pelajar/ Pelajar mestilah Penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR).
3. Pelajar hendaklah telah mendaftar semester satu (1) di IPTS (TAR UMT) bagi peringkat pengajian Diploma sepenuh masa selewat-lewatnya pada tarikh pendaftaran yang ditetapkan.
4. Pelajar hendaklah memohon WPP semasa membuat permohonan pinjaman (Kelompok Pertama sahaja) dengan login aplikasi myPTPTN dilaman web PTPTN mengikut Kemasukan/Pengambilan yang tertera di surat tawaran TAR UMT.
5. Tiada hutang pinjaman PTPTN.

Tarikh Permohonan & Semak/Cetak Tawaran WPP

Kemasukan TAR UMT (Intake)	Tarikh Permohonan WPP	Pendaftaran di TAR UMT sebagai Pelajar Baru	Jangkaan Tarikh Semak/Cetak Surat Tawaran WPP	Catitan
Jun 2026	1-15 May 2026	Selewat-lewatnya 26 May 2026	9 Jun 2026	<ul style="list-style-type: none">• Tempoh sah laku tawaran WPP adalah 2 bulan dari tarikh dikeluarkan.• Tawaran WPP boleh ditunai di mana-mana kaunter Bank Islam.
Nov 2026	1-15 Okt 2026	Selewat-lewatnya 27 Okt 2026	9 Nov 2026	
Jan 2027	1-15 Dis 2026	Selewat-lewatnya 23 Dis 2026	9 Jan 2027	

Student Financial Aid Unit
Department of Student Affairs
(Information updated in April 2026)